

Newspaper	Utusan Malaysia
Date	30 July 2015

MASA UNTUK BEKERJA

um-30/7/2015



**ZULKIFLEE
BAKAR**

zulkifleebakar@gmail.com

“DALAM politik terkini kita jangan melatah, kena rasional agar tidak mengganggu emosi serta bijaksana dalam menyelami dan menilai scenario yang melanda. Jangan ambil mudah perkara ini, kalau silap langkah padah, ini peringatan kepada semua pihak mesti bertanggungjawab.”

Peringatan itu diberikan oleh Menteri Pertahanan yang juga Naib Presiden UMNO, Datuk Seri His-Hammuddin Tun Hussein ketika mengulas rombakan Kabinet oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak, kelmarin.

Sememangnya rombakan itu menyaksikan pelbagai reaksi ada yang negatif dan ada yang positif, tetapi sebagai Perdana Menteri, Najib sudah pasti mempunyai perhitungan tersendiri khususnya seperti mana ditegaskan oleh beliau 'dibuat setelah mengambil kira pertimbangan politik dan kepentingan pentadbiran'.

Dalam bahasa mudah, keputusan sudah dibuat dan rombakan Kabinet sudah berlaku. Majlis angkat sumpah pun sudah berlangsung. Oleh itu sekarang adalah masa untuk semua pihak yang berada di dalam UMNO dan Barisan Nasional (BN) menumpukan sepenuhnya perhatian bagi memperkukuhkan sokongan rakyat kepada kerajaan yang diterajui oleh kedua-dua parti itu.

Terimalah hakikat, perhitungan dan pendirian rakyat jauh lebih penting berbanding daripada tafsiran, pandangan, kritikan atau ulasan mana-mana pihak. Hal ini kerana sebaik manapun perubahan atau langkah yang dilakukan tidak akan membawa apa-apa erti jika tidak mendapat restu rakyat yang memiliki suara keramat dalam Pilihan Raya Umum Ke-14 (PRU-14).

Sementara yang dilantik mempunyai tanggungjawab besar untuk melaksanakan amanah yang diberikan, yang digugurkan pula mempunyai peranan untuk memastikan UMNO tidak berpecah-belah. Ketika ini yang paling penting ialah survival politik UMNO dan BN, bukannya mana-mana individu.

Tetapi janganlah pula yang kekal atau baharu dilantik berasa megah dengan jawatan yang disandang sehingga tidak sudah-sudah mahu mengkritik mereka yang digugurkan dengan pelbagai tuduhan dan tohmahan.

Mahu tidak mahu, kesemua mereka yang digugurkan tetap mempunyai jasa besar kepada bangsa dan negara ini. Berpuluh-puluh tahun mereka bergelumang



NAJIB TUN RAZAK bersalaman dengan Muhyiddin Yassin pada Majlis Rumah Terbuka Aidilfitri yang dianjurkan oleh Kumpulan CIMB di Hotel Hilton, Kuala Lumpur pada 27 Julai lalu. - UTUSAN/IRWAN MAJID

dengan politik di dalam UMNO, mencurahkan masa dan tenaga demi memastikan parti itu terus menjadi tonggak pemerintahan negara.

Pemimpin-pemimpin seperti Tan Sri Muhyiddin Yassin dan Datuk Seri Mohd. Shafie Apdal mempunyai terlalu banyak jasa kepada parti dan negara. Jasa-jasa mereka tetap akan terpahat dalam sejarah politik negara. Begitulah juga menteri-menteri lain yang digugurkan termasuklah Datuk Seri Hasan Malek.

Jangan lupa Muhyiddin dan Shafie menerima secara terbuka pengguguran mereka. Muhyiddin yang masih merupakan Timbalan Presiden UMNO dengan jiwa besar meminta para penyokongnya menerima apa yang berlaku dengan hati terbuka dan tidak melakukan apa-apa perkara yang memudaratkan. Malah Muhyiddin yang memulakan karier politiknya sekitar tahun 1971 menunjukkan contoh seorang negawaran dan pejuang UMNO tulen apabila bertekad setia kepada perjuangan UMNO dan berjanji akan terus melaksanakan amanah yang telah dipertanggungjawabkan kepadanya.

Justeru dalam berhadapan dengan situasi sekarang, kematangan politik amat penting ditunjukkan oleh semua pihak. Tiada gunanya terus mahu berpolitik setelah Perdana Menteri menggunakan haknya untuk menyusun barisan Kabinet yang beliau inginkan.

Sekarang adalah masa untuk bekerja. Pelbagai isu perlu ditangani oleh kepimpinan UMNO dan BN. Pelbagai persepsi yang melumuri parti itu dan pemimpinnya perlu dibersihkan dengan penuh kebijaksanaan. Jangan ada yang

mahu menjadi 'lebai malang' 'menang sorak kampung tergedai' atau 'jatuh satu jatuh semua'. Sekarang bukanlah masa untuk meneruskan politik yang hanya akan menjauhkan lagi rakyat daripada UMNO dan BN.

Sebaliknya sekarang adalah masa untuk meyakinkan rakyat bahawa UMNO dan BN tetap pilihan terbaik mereka bagi mentadbir negara ini. Fakta itu tidak boleh dinafikan tetapi dalam politik segalanya berkemungkinan. Persepsi sering kali menumpaskan kebenaran manakala kebenaran pula hanya akan muncul ketika suasana sudah menjadi cukup nazak. Sebab itulah keutamaan perlu diberikan bagi menguruskan persepsi kerana ia boleh mendatangkan kemudaratkan kepada politik UMNO dan BN.

Kabinet baharu di bawah kepimpinan Najib dan dibantu oleh Timbalannya yang baharu, Datuk Seri Dr. Ahmad Zahid Hamidi harus diberi ruang dan peluang untuk menjalankan tugas mereka dengan tenang. Terimalah hakikat dalam politik tidak ada yang mustahil. Politik penuh dengan 'seni' dan kemahiran maneuver yang kadang kala amat sukar dibaca apatah lagi diramalkan. Dalam politik juga tidak ada musuh dan kawan yang kekal, yang ada hanyalah kedudukan dan kuasa.

Mereka yang digugurkan jangan dianggap sebagai musuh sebaliknya perlu dipaut bersama-sama untuk meneruskan perjuangan parti, bangsa, agama dan negara. Perbezaan pendapat adalah perkara biasa, tetapi jangan dijadikan sebagai 'peluru' untuk memusnahkan antara satu sama lain. Masing-masing ada prinsip dan sudah tentulah tidak boleh memaksa seseorang

mengorbankan prinsipnya semata-mata mahu memuaskan hati mana-mana pihak.

Tetapi apa yang lebih penting ialah perjuangan UMNO dan kesinambungan pemerintahan BN. Ingatlah di luar sana terlalu banyak pihak yang mahu melihat negara kucar-kacir dan pergolakan politik berterusan khususnya melibatkan UMNO.

Sebab itulah dalam apa keadaan sekalipun utamakan sentimen dan kepentingan rakyat. Ketika ini mereka memerhati dengan penuh teliti apa yang berlaku di dalam kerajaan, UMNO dan BN. Yang akan menentukan nyawa politik UMNO dan BN bukannya sekerat dua pemimpin tetapi rakyat secara keseluruhan.

Selepas rombakan Kabinet dan pelbagai isu yang berlaku UMNO perlu mempertingkatkan lagi penerangan kepada rakyat. Tidak boleh lagi bersikap seperti sebelum ini. Segala program dan perancangan perlu meletakkan kepentingan rakyat mengatasi segala-galanya. Ini juga janji Najib ketika mengumumkan barisan Kabinet beliau apabila menyatakan, rombakan Kabinet dibuat bagi tujuan memperkukuhkan lagi barisan kerajaan dalam menghadapi cabaran menguruskan negara sebelum PRU-14.

Oleh itu terimalah pembentukan Kabinet ini dengan penuh ketenangan dan reda. Dalam keadaan apa sekalipun jangan lupa perancangan Allah dalam menentukan kedudukan seseorang. Yang berkuasa belum tentu berkuasa selamanya dan yang tiada kuasa belum tentu tiada kuasa selamanya. Segala-galanya boleh berlaku dalam politik atas kehendak Allah SWT.